

**NO SOALAN : 536**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY**  
**(KAPAR)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) setakat ini bagaimana persiapan sedia oleh Kerajaan Pusat dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) daripada segi peralatan atau infrastruktur untuk menghadapi ancaman pengganas, terutamanya Islamic State (IS); dan
- (b) sama ada Kerajaan Pusat berunding dengan pihak Filipina supaya boleh memerangi pengganas seperti Abu Sayyaf, demi menjaga keamanan kawasan sekitar Laut Sulu.

## **JAWAPAN:**

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa memberi fokus dan keutamaan yang tinggi dalam menjamin keselamatan negara dan rakyat. Keupayaan dan kesiapsiagaan ATM dari segi peralatan, kelengkapan dan infrastruktur dibangunkan secara menyeluruh melalui analisis strategik yang merangkumi pelbagai dimensi dan ancaman termasuk ancaman pengganas.

Semua peralatan, kelengkapan dan infrastruktur yang dimiliki ATM sentiasa berada di tahap kesiagaan yang tinggi. Ia bertujuan untuk ATM berupaya bertindak balas terhadap pelbagai ancaman dan tidak hanya untuk menangani sesuatu ancaman tertentu sahaja.

Keupayaan ATM ini akan terus diperkukuhkan melalui Pelan Pembangunan Keupayaan ATM, iaitu Pelan *Fourth Dimension Malaysian Armed Forces* (4D MAF), di mana aset dan kelengkapan moden turut digabungkan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti. Kesemua usaha ini bertujuan agar kedaulatan negara sentiasa terpelihara, sekali gus menjadikan ATM terus relevan, kredibel dan dipercayai rakyat.

Bagi kerjasama Malaysia - Filipina dalam memerangi penganas Abu Sayyaf pula, perlu ditegaskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan ahli kepada ASEAN berpegang kepada prinsip tidak campur tangan dalam urusan dalaman sesebuah negara asing dan ia juga sejajar dengan Dasar Pertahanan Negara.

Malaysia memiliki hubungan pertahanan dua hala yang erat dengan Kerajaan Filipina. Malaysia akan terus berusaha memastikan kawasan bergolak di Selatan Filipina bebas daripada sebarang insiden yang mampu mengakibatkan tercetusnya ketidakstabilan bukan hanya kepada pihak Filipina tetapi turut menjejaskan Wilayah Malaysia.